

26/06/2004

Saham PPTB catat lebih langganan 263.42 kali

SAHAM Perisai Petroleum Teknologi Bhd (PPTB) memperoleh lebih langganan 263.42 kali bagi 2.08 juta saham yang ditawarkan kepada awam sempena penyenaaraiannya di Pasaran Mesdaq, Bursa Malaysia.

Syarikat yang terbabit dalam penyelenggara saluran paip bagi industri minyak dan gas itu menerima 33,951 permohonan bagi mendapatkan 549.999 juta saham bernilai RM181.499 bilion.

Sejumlah 29.120 juta saham yang ditawarkan melalui tawaran persendirian turut dilanggan sepenuhnya.

Saham syarikat itu ditawarkan pada harga 33 sen sesaham.

Pengarah MIDF Consultancy and Corporate Service Sdn Bhd (MIDFCCS), Mahathir Mohd Ismail, berkata orang awam yang memohon mendapatkan saham syarikat itu akan mengetahui keputusan permohonan mereka pada 2 Julai ini.

"Selain menerusi surat, pemohon juga boleh menyemak status permohonan mereka di laman web www.midfccs.com mulai 2 Julai," katanya selepas majlis cabutan undi saham PPTB di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi RHB Sakura Merchant Bankers Bhd (RHB Sakura), Abdullah Mat Noh; Pengerusi Eksekutif PPTB, Makhtar Mohamed dan Pengarah Eksekutifnya, Tengku Daud Shaifuddin Tengku Zainuddin.

Sementara itu, Tengku Daud, berkata PPTB yakin dapat meningkatkan penguasaannya dalam pasaran produk kawalan karat saluran paip minyak dan gas daripada sembilan peratus kepada 20 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang.

Beliau berkata bagi mencapai unjuran itu, PPTB akan menumpukan kepada usaha mengukuhkan kedudukannya dalam industri minyak dan gas luar pesisir di Malaysia, membangunkan produk, mempelbagaikan industri, mengembangkan pasaran di luar negara dan tumpuan pembangunan sumber manusia.

"Unjuran peningkatan itu juga berdasarkan pertumbuhan tahunan 8.9 peratus pasaran produk berkenaan," katanya.

Tengku Daud berkata, ketika ini produk kawalan karat yang dikeluarkan anak syarikat 60 peratus milik PPTB, Corro-Shield (M) Sdn Bhd (CSSB) digunakan di sembilan lapangan pengeluaran minyak dan gas luar pesisir Malaysia yang baru dengan nilai kontrak RM15 juta.

(END)